

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/92

Mac/April 1992

HMP 406 Analisis Wacana

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA [5] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. (a) Penuhkan ayat-ayat tak lengkap dalam dialog berikut menurut konteks yang anda fikir sesuai. Nyatakan fungsi bahagian ayat yang anda tambah itu.

"Masuk hutan pula?" Encik Badar bertanya.

"Tidak, kali ini tidak, nak hantar kawan saya."

"Ke mana?"

"Kahwin."

"Kahwin, dengan siapa"

"Kawan saya, Mahmud, dia kahwin dengan perempuan joget."

- (b) Lihat kata-kata penanda emosi dalam sajak berikut, dan huraikan fungsinya.

SEMANGAT MERDEKA

Pemuda harapan bangsaku
Pemuda kesatria
Mari bersatu bersandal bahu
Mebela Tanah Melayu
Tanah air telah meminta
Tenaga dan jasamu
Mari kita siap sedia
Untuk nusa dan bangsa

Ayuhai Pemuda Pemudi
Inilah masanya berbakti
Semboyan kita hanyalah satu
Merdeka dan Tetap Merdeka

(Anuar, Melaka 1949)

.../2

2. Dalam perbincangan sebuah mesyuarat, apakah penanda wacana yang perlu diketahui oleh seorang pengerusi untuk melihat sama ada perbincangan dalam mesyuarat itu akan mencapai persetujuan atau percanggahan pendapat.
3. Kinesik merupakan seni memahami gerak-geri (bahasa) badan dan juga air muka penutur yang mengiringi pertuturan. Nyatakan kemungkinan dialog yang berlaku, dan huraikan gerak-geri badan yang digunakan dalam keadaan berikut:
 - (a) Ketua pejabat sedang menasihatkan pekerjanya yang selalu lewat datang bekerja.
 - (b) Kakak yang memberi tahniah kepada adik yang baru lulus peperiksaan.
 - (c) Konstabel polis memberi arahan kepada pejalan kaki yang melintas di tempat larangan.
 - (d) Penghulu kampung yang menyambut wakil rakyat yang melawat kampungnya.
4. Buat analisis wacana petikan berikut. Gunakan kaedah Asmah Hj. Omar.

"Helo Encik Bakri," kata Hapipah riang.

"Apa khabar?"

"Baik."

"Begini Cik Hapipah, bahagian kewangan telah meluluskan pembayaran untuk Cik Hapipah."

"Ya, terima kasih." sampuk Cik Hapipah gembira.

"Ceknya dan siap, bolehlah datang ambil," sambungnya.

"Terima kasih, tak sangka dapat pembayaran begitu cepat," puji Cik Hapipah.

"Sesetengah tempat, berbulan-bulan baru dapat."

5. Cari kata-kata penanda bantahan dan percanggahan yang terdapat dalam petikan di bawah, dan huraikan fungsinya dalam wacana ini.

Tema inilah yang kami, guru pelatih Maktab Perguruan Teruntum ingin utarakan supaya semua pihak dapat mengetahui apa yang kami alami sebenarnya. Kami pelatih semester dua khasnya sejak mula mendaftar diri pada bulan Jun 1991 hingga kini tidak habis-habis ditekan oleh pihak maktab untuk membeli barang-barang yang tidak kami perlukan. Ketika mendaftar kami kena bayar 25 jenis barang yang kami tidak perlukan. Barang itu tidak ada kaitan dengan kursus keguruan kami. Kami menganggap ini 'jenayah kewangan' yang dahsyat. Jiwa kami amat terseksa dengan gelagat pentadbir dan pensyarah maktab. (Berita Harian, 12 Feburari 1991).